



KEHAKIMAN ISLAM ZAMAN PENJAJAHAN BARAT DI MELAKA

BAB 03

KEHAKIMAN ISLAM ZAMAN PENJAJAHAN BARAT DI MELAKA

ZAMAN PENJAJAHAN PORTUGIS

Orang Eropah yang pertama sekali tiba di Melaka ialah orang-orang Portugis. Orang Portugis menduduki Melaka dari tahun 1511 sehingga tahun 1641 dan digantikan oleh orang Belanda yang menduduki Melaka selama 130 tahun, yang kemudian menyerahkannya kepada orang Inggeris pada tahun 1795. Orang Belanda menduduki semula Melaka dari tahun 1801 sehingga tahun 1807 tetapi akhirnya menyerahkan Melaka kepada Inggeris dalam tahun 1824.

Pada 24 Ogos 1511, Portugis telah berjaya menawan Kerajaan Melayu Melaka. Sultan Melaka yang terakhir iaitu Sultan Mahmud Syah akhirnya telah melarikan diri ke Kampar, Sumatera dan mangkat di sana. Sejak itu, Melaka mula ditadbir oleh Portugis. Semasa Portugis memerintah Melaka, mereka telah mengamalkan dasar “Pemurtadan Tanah Jajahan” yang juga dikenali sebagai “*Portuguese Inquisition*”. Dasar ini ialah dasar menukarkan agama penduduk tempat yang dijajah secara kekerasan dan kezaliman.

Selain dari Portugis, penjajah Sepanyol juga telah mengamalkan dasar yang sama dan ianya dikenali dengan nama “*Spanish Inquisition*”. Dengan sebab itu, Filipina yang dahulunya wilayah kerajaan-kerajaan Islam seperti Kerajaan Seludong dan Tundun telah bertukar menjadi Negara Kristian. Polisi yang diamalkan oleh penjajah Portugis dan Sepanyol ini adalah berdasarkan dendam terhadap Kerajaan Islam Andalusia. Oleh yang demikian, setelah Portugis menjajah Melaka, mereka telah memusnahkan masjid-masjid di Melaka dan dibina gereja-gereja di atas tapak-tapak masjid. Dasar Portugis itu menyebabkan ulama-ulama dan kadi telah melarikan diri dari Kota Melaka.

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat warga tempatan yang memihak kepada Portugis. Mereka inilah yang mengkhianati Kesultanan Melayu Melaka. Walaupun Portugis telah menghapuskan sistem kehakiman Islam yang telah lama di amalkan di Melaka, namun mereka menerapkan undang-undang yang berbentuk adat ke dalam pentadbiran Portugis di Melaka. Portugis di Melaka yang dipimpin oleh Alfonso de Albuquerque telah mengekalkan jawatan Bendahara dan Temenggong untuk orang Melayu yang berpihak kepada Portugis. Alfonso de Albuquerque menetapkan supaya jawatan ini hanya disandang oleh orang Melayu sahaja. Bendahara mentadbir Melaka manakala Temenggong bertanggungjawab ke atas kewangan Melaka. Sistem ini bertahan dari tahun 1511 hingga tahun 1641. Belanda menguasai Melaka semenjak tahun 1641.

Di bawah pemerintahan Portugis, seorang Gabenor di bawah kuasa Raja Portugis telah dilantik untuk memerintah Melaka. Beliau dibantu oleh Ovidor (Ketua Hakim), Viador (Datuk Bandar) dan Paderi. Kesemua jawatan ini disandang oleh orang-orang Portugis. Portugis juga telah menubuhkan mahkamah Portugis. Semua kes-kes sama ada kes yang berkaitan dengan sivil atau jenayah mula dibicarakan di mahkamah-mahkamah Portugis.

Orang Portugis melantik warganegara yang terkemuka sebagai majistret dengan diberi bidang kuasa sivil serta jenayah, dan daripada keputusan mereka, rayuan dikemukakan kepada Ketua Hakim. Walau bagaimanapun, tiada pemisahan dibuat antara kehakiman dan eksekutif, kerana dalam kes jenayah yang dibicarakan dalam mahkamahannya, Ketua Hakim terpaksa meminta nasihat dan kepastian daripada Gabenor.

Bagi menyelesaikan pertikaian antara orang Minangkabau di Naning dan untuk menghukum salah laku mereka, seorang Portugis dilantik sebagai bailif seumur hidup, tetapi beliau juga mempunyai fungsi pentadbiran. Bendahara yang dilantik oleh Portugis untuk menghakimkan orang Asia lain di Melaka mendapat sebahagian pendapatannya daripada denda. Pengadilan Portugis sangat kejam dan keji. Mereka telah membawa undang-undang zaman kegelapan Eropah ke Melaka. Hukuman berbentuk seksaan, penganiayaan dan penjara berbentuk lubang gelap telah diamalkan oleh pentadbiran Portugis.

Orang-orang Islam yang telah melarikan diri dari Kota Melaka telah menubuhkan pemerintahan mereka sendiri di setiap penempatan-penempatan yang mereka duduki tanpa bersultan. Penempatan-penempatan ini bebas dari kuasa Portugis. Dengan itu, sistem kehakiman Islam terus diamalkan secara tidak formal. Orang-orang Melayu mewarisi sistem kehakiman Islam yang ditinggalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka. Tokoh-tokoh yang berpengaruh dalam masyarakat dilantik menjadi pemimpin dari kalangan mereka. Manakala alim ulama pula dilantik menjadi imam dan sekaligus memainkan peranan sebagai “kadi”. Golongan kadi ini terus menjadikan masjid sebagai “mahkamah” yang memainkan tugas-tugas kehakiman terutamanya yang berkaitan dengan hal ehwal kekeluargaan (personal law) seperti nikah cerai, harta pusaka, hak penjagaan anak dan sebagainya.

ZAMAN PENJAJAHAN BELANDA

Pada 14 Januari 1641, Belanda telah menewaskan Portugis di Melaka dan berjaya menakluki Melaka serta mengambil alih kepimpinan Melaka dari Portugis. Penjajah Belanda telah mengamalkan polisi yang berbeza dengan Portugis. Mereka telah melihatkan sikap yang terbuka terhadap agama. Masjid-masjid dibenarkan dibina di Kota Melaka. Dengan sebab itu, rata-rata masjid tertua yang terdapat di Melaka dibina ketika zaman pemerintahan Belanda seperti Masjid Kampung Hulu, Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker. Malah ada masjid yang dibina dengan bantuan Belanda. Penjajah Belanda mengamalkan dasar ini bagi memenangi hati orang-orang Islam kerana orang-orang Islam sebelum ini telah melancarkan beberapa siri peperangan yang hebat ke atas Portugis di Melaka. Kebencian yang orang-orang Islam yang meluap-luap terhadap Portugis menjadi pengajaran buat Belanda.

Tidak seperti Portugis yang memusuhi institusi-institusi Islam secara terang-terangan, Belanda memberi kebebasan terhadap orang-orang Melayu untuk mengamalkan ajaran Islam. Dengan dasar kebebasan beragama yang diamalkan oleh Belanda itu, institusi pengadilan Islam yang tidak formal mula bertapak semula di Kota Melaka. Masjid-masjid di Kota Melaka terus menjadi tempat pengadilan. Belanda tidak mencampuri dalam urusan kehakiman Islam di Melaka.

Walaupun Belanda telah menubuhkan mahkamah awam Belanda, namun dalam hal-hal yang berkaitan dengan hal ehwal kekeluargaan Islam, para alim ulama memainkan peranan sebagai kadi dalam menyelesaikan masalah umat-umat Islam di Melaka. Institusi kehakiman Islam tidak diletakkan di bawah hierarki atau pentadbiran Mahkamah Belanda. Dengan sebab itu, dua sistem kehakiman yang berasingan telah dilaksanakan di Melaka ketika zaman pemerintahan Belanda. Dalam kes Sahrip Iwn Mitchell, Hakim Besar Sir Benson Maxwell berkata:

"Mereka (Belanda) telah membiarkan adat Melayu atau lex non scripta berkuat kuasa".

KADI-KADI DI ZAMAN PORTUGIS



Datuk Machap

Jailani Mendik Masab atau lebih dikenali dengan nama “Datuk Machap”. Beliau ialah seorang ulama Bugis yang berasal dari Makasar, Sulawesi. Beliau datang ke Melaka untuk berdagang sekitar tahun 1500 iaitu ketika zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Keilmuannya dalam bidang agama dan ketinggian akhlaknya telah menarik perhatian Sultan sehingga beliau dilantik menjadi “Imam Diraja”. Ketika Portugis menyerang Melaka pada tahun 1511, Datuk Machap berjuang bersama-sama umat Islam di Melaka untuk mengusir Portugis dari Melaka. Namun usaha Datuk Machap gagal kerana kekuatan angkatan tentera Portugis yang dibantu oleh pengkhianat-pengkhianat di bumi Melaka.

Oleh yang demikian, Datuk Machap bersama para pengikutnya terpaksa melarikan diri dari Kota Melaka. Akhirnya beliau tiba di sebuah penempatan dan



beliau bersama para pengikutnya mula berkampung di situ. Datuk Machap bersama para pengikutnya telah membina sebuah masjid dan masjid itu menjadi pusat pentadbiran penempatan tersebut. Datuk Machap juga terus diangkat oleh para pengikutnya menjadi pemimpin mereka dan beliau juga menjalankan tugas-tugas sebagai seorang Kadi kepada penduduk penempatan tersebut selain daripada menjadi imam kepada masyarakat.

Pada tahun 1865, seorang mubaligh Islam berbangsa Cina telah menjalankan usaha untuk memperbaiki masjid yang dibina oleh Datuk Machap itu. Beliau bersama penduduk tempatan telah menggantikan binaan kayu masjid tersebut dengan binaan batu bata. Masjid tersebut masih kekal sehingga hari ini. Kini tempat tersebut dikenali sebagai “Machap” yang mana nama itu kekal sehingga hari ini.

ASY SYAHID SYEIKH SYAMSUDDIN AS SUMATRA-I



Syeikh Syamsuddin As Sumatra-i bukanlah Kadi Kesultanan Melaka, tetapi beliau adalah Ketua Kadi (Hakim) Kesultanan Aceh Darussalam. Beliau juga masyhur dengan panggilan Syeikh Syamsuddin Pasai. Beliau dilantik sebagai Qadi Malikul Adil (Ketua Hakim) Kesultanan Aceh Darussalam oleh Sultan Iskandar Muda (memerintah kerajaan Aceh dari tahun 1607 hingga 1636). Beliau merupakan anak murid kepada seorang ulama yang terkenal di Aceh pada waktu itu iaitu Syeikh Hamzah Al Fansuri. Beliau dikenali sebagai seorang yang faqih, alim dan warak. Beliau juga merupakan antara ulama di Aceh yang berpengaruh yang meniupkan semangat jihad di kalangan rakyat Aceh agar mereka bangkit menentang Portugis.

Kesultanan Aceh Darussalam telah banyak belajar dan mewarisi ilmu-ilmu tentang institusi kehakiman Islam dari Melaka. Sultan Iskandar Muda sendiri telah merujuk Hukum Kanun Melaka apabila baginda ingin menggubal Kanun Mahkota Alam (Undang-undang rasmi Kesultanan Aceh Darussalam).

Seolah-olah ingin membalas jasa Kesultanan Melayu Melaka, pada tahun 1629, tentera Aceh di bawah kepimpinan Sultan Iskandar Muda telah datang ke Melaka untuk menyerang Portugis di Melaka. Kira-kira 20,000 tentera disertai dengan 236 buah kapal perang Aceh menuju ke Melaka demi menyerang Portugis. Peperangan yang dahsyat ini berlangsung selama hampir lapan bulan. Walaupun Aceh tewas dalam perang menentang Portugis ini, namun Portugis telah menerima tekanan yang amat hebat dari Aceh sehingga mereka hampir mengibarkan bendera putih. Ramai dari kalangan orang-orang Aceh yang menyertai misi jihad ini terkorban termasuklah Syeikh Syamsuddin As Sumatra-i dan Panglima Pidi. Sehubungan dengan itu, jenazah Asy Syahid Syeikh Syamsuddin As Sumatra-i dimakamkan di Kampung Ketek, Melaka.

ZAMAN PENJAJAHAN INGGERIS

Pada tahun 1824, Belanda telah menyerahkan Melaka kepada British melalui satu perjanjian dan pada tahun 1826, Melaka telah disatukan dengan Pulau Pinang dan Singapura di bawah pemerintahan British dan ketiga-tiga wilayah ini dinamakan sebagai “Negeri-negeri Selat”. Selepas British memerintah Melaka, institusi kehakiman Islam telah diletakkan di bawah hierarki Mahkamah British dan kedudukan Mahkamah Kadi diletakkan di bawah sekali. Ini bermakna keputusan-keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Kadi boleh dirayu di Mahkamah British. Tidak seperti Belanda, British telah mencampuri pentadbiran institusi kehakiman Islam dan meletakkannya di bawah pentadbiran Mahkamah British.

Dasar yang diamalkan oleh Inggeris ini menyebabkan institusi kehakiman Islam terhapus secara halus dan hilang ciri-cirinya. Inggeris juga telah memperkenalkan tiga piagam yang dipanggil Charters of Justice (Piagam Keadilan Pertama) pada tahun 1807, (Piagam Keadilan Kedua) pada tahun 1826 dan (Piagam Keadilan Ketiga) pada tahun 1885. Semua ini bertujuan untuk mengangkat taraf Undang-undang Inggeris dan secara tidak langsung menenggelamkan serta menyisihkan Undang-undang Islam yang dulunya diamalkan sebagai undang-undang tempatan.

Campur tangan secara langsung terhadap urusan kekeluargaan orang Islam di Tanah Melayu juga telah berlaku pada tahun 1880. Semasa Inggeris menjajah Melaka dan memasukkan Melaka di dalam pentadbiran Negeri-negeri Selat, Inggeris telah memperkenalkan satu Ordinan yang dipanggil Muhammedan Marriage Ordinance (Ordinance no. 5, 1880). Ordinan ini digubal untuk meletakkan Undang-undang Islam di bawah Mahkamah Inggeris. Ini adalah undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal Islam yang pertama yang digubal oleh Inggeris.

Dalam Ordinan ini, perkara mengenai pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang Islam, pengiktirafan kepada kedudukan Kadi dan peraturan terhadap harta perempuan yang berkahwin telah diperuntukkan. Ordinan tersebut telah mengalami beberapa pindaan iaitu pada tahun 1894, 1902, 1908, 1909 dan juga pada tahun 1917. Dalam pindaan tersebut, British telah membuat peruntukan yang menyentuh secara terbuka tentang Undang-undang Keluarga Islam. Ordinan ini dan pindaannya telah digubal kembali dan disebut Ordinan No. 26 tahun 1920 dan seterusnya dipinda lagi pada tahun 1923 dan 1934 sehingga akhirnya dimasukkan ke dalam Chapter 57 of the Revised Laws of the Straits Settlement, 1936. Ordinan ini terus diamalkan di Negeri-negeri Selat sehinggalah Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 1959 digubal.

Melaka diduduki buat kali pertama oleh Inggeris pada tahun 1795 hingga 1818. Seterusnya pada tahun 1824 sekali lagi Inggeris menduduki Melaka sebagai ganti Bancoolen (Bangkahulu) setelah berlakunya perjanjian Inggeris - Belanda dalam tahun tersebut. Ia kemudiannya telah diserahkan kepada Syarikat Hindia Timur British untuk ditadbir. Sewaktu penyerahannya, telah ada beberapa undang-undang yang diamalkan di situ seperti Undang-undang Adat Melayu, undang-undang Islam, undang-undang adat penduduk tempatan yang bukan Melayu serta sedikit Undang-undang Belanda.

Wujudnya undang-undang yang banyak dan berlainan telah membawa masalah kepada Inggeris untuk menentukan setakat mana undang-undang Inggeris hendak digunakan di Melaka. Untuk itu, Syarikat Hindia Timur telah memohon kepada kerajaan di England untuk mendapatkan satu piagam keadilan bagi memudahkan pentadbiran undang-undangnya. Akhirnya pada tahun 1826, Piagam Keadilan ke- 2 telah diisytiharkan, yang memberi kesan bukan sahaja kepada Melaka tetapi juga kepada Negeri Selat yang lain.

Pada asasnya, piagam ini diisytiharkan bagi memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Keadilan yang pertama dahulu yang meliputi Singapura dan Melaka. Mahkamah Keadilan yang ada sebelum ini kemudiannya telah dikenali dengan *“The Court of Judicature of Prince of Wales Island, Singapore And Malacca”* di mana Pulau Pinang menjadi pusatnya.

Dalam kes Regina Iwn Willans, Hakim Maxwell R. berkata:

... Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa apa jua undang-undang yang diperkenalkan oleh Piagam Kedua adalah diperkenalkan juga ke tiap-tiap bahagian tanah-tanah jajahan itu (Negeri-negeri Selat). Dan oleh kerana telah diputuskan bahawa undang-undang yang terdapat pada tahun 1826 telah diperkenalkan ke Melaka, maka saya berpendapat perkara yang sama menjadi dengan cara yang sama, undang-undang di Pulau Pinang.

Dengan perisytiharan Piagam Keadilan ke-2 tersebut juga, Inggeris telah memperuntukkan dengan secara rasmi bahawa prinsip ekuiti yang berkuatkuasa di England hendaklah diamalkan di Negeri-negeri Selat. Peruntukan itu juga dengan secara rasmi membawa undang-undang Inggeris ke Tanah Melayu. Undang-undang Inggeris akan dipakai jika ia tidak bertentangan dengan adat tempatan dan agama Islam.

Sementara itu, walaupun Piagam Keadilan ke-2 dan Piagam Keadilan ke-3 telah menggariskan bahawa undang-undang Inggeris akan diamalkan di Negeri-negeri Selat termasuk kepada orang Islam, namun dalam beberapa kes ia masih tertakluk sedikit kepada sistem masyarakat tempatan. Beberapa kes yang begitu popular di kalangan ahli undang-undang telah menjelaskan kenyataan tadi. Umpamanya dalam kes *Sahrip Iwn Mitchell & Anor*

Sahrip, seorang ketua kampung telah menduduki sebidang tanah dengan aman tanpa sebarang gangguan. Apabila Inggeris datang, mereka telah memperkenalkan satu undang-undang bertulis yang mengehendaki mereka yang menduduki tanah di Melaka agar mendaftar di pejabat tanah, menerima geran dan membayar cukai. Sahrip enggan sambil mendakwa dia telah mengambil “tanah mati” dan kemudian “menghidupkannya” sesuai dengan undang-undang Islam dan adat. Inggeris telah mengarahkan Mitchell menghalau Sahrip dan keluarganya daripada tanah itu.

Kes tersebut dibawa ke mahkamah atas tuduhan Mitchell telah menceroboh dan Sahrip menuntut ganti rugi. Mitchell berhujah bahawa Sahrip memiliki tanah secara tidak berdaftar. Sementara Sahrip pula mendakwa dia telah

menghidupkan tanah yang mati dan dia tidak akan meninggalkan tanah tersebut. Hakim Benson Maxwell dalam penghakimannya menyatakan:

Umum mengetahui bahawa mengikut undang-undang Melayu lama dan adat Melaka, semua tanah adalah milik raja. Semua rakyat adalah berhak untuk memiliki tanah mati dan tanah hutan dengan syarat membayar 1/10 (usyur) kepada raja hasil daripada tanah tersebut, 9/10 daripada tanah itu menjadi milik sendiri dan boleh diwarisi turun-temurun. Tetapi jika ia meninggalkan kebunnya selama 3 tahun atau ladang gambirnya selama satu tahun, maka haknya akan luput dan tanah itu kembali menjadi hak raja.

Mahkamah telah memberi keputusan memihak kepada Sahrip. Dia berhak ke atas tanahnya menurut undang-undang yang dinyatakan tersebut. Keputusan itu jelas membuktikan bahawa undang-undang Islam masih lagi berpengaruh walaupun undang-undang Inggeris telah diperkenalkan.

Bagi Negeri Selat seluruhnya, piagam yang terakhir iaitu Piagam Keadilan ke-3 telah diisytiharkan dalam tahun 1855. Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah disebut sebelum ini, piagam tersebut tidaklah membawa atau memperkenalkan undang-undang Inggeris yang baru tetapi untuk menyusun semula pentadbiran mahkamah-mahkamah yang sedia ada. Kesan daripada Piagam Keadilan ke-3 tersebut juga, Mahkamah Keadilan (*Court of Judicature*) di Negeri-negeri Selat telah dibahagikan kepada dua unit pentadbiran iaitu unit Pulau Pinang dan Melaka serta satu lagi unit untuk Singapura. Seterusnya pada tahun 1868, unit-unit mahkamah tersebut telah dihapuskan dan digantikan dengan *Supreme Court* (Mahkamah Tinggi) bagi Negeri-negeri Selat seluruhnya.

Di Negeri-negeri Selat, undang-undang pentadbiran Islam yang menyentuh undang-undang perkahwinan orang Islam pertama kali diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1880. Undang-undang ini dinamakan *Muhammedan Marriage Ordinance 1880*. Tujuan utama undang-undang ini diperkenalkan adalah untuk mengawal selia hal-hal pendaftaran perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, ia juga dibuat bagi memperbaiki undang-undang yang berhubung dengan hak milik harta, kesan daripada perkahwinan orang Islam. Secara keseluruhannya, undang-undang yang baru diperkenalkan ini mengandungi empat bahagian utama dengan tiga puluh tiga peruntukan iaitu:

1. (Bahagian 1) Perlantikan pendaftar dan prosedur pendaftaran perkahwinan serta penceraian.
2. (Bahagian 2) Tentang perlantikan dan bidangkuasa tugas kadi.
3. (Bahagian 3) Tentang kesan perkahwinan terhadap harta. Bahagian ini menitikberatkan harta seorang perempuan bersuami.
4. (Bahagian 4) Peruntukan-peruntukan am.

Bahagian 1 undang-undang tersebut memperuntukkan perlantikan pendaftar perkahwinan dan perceraian. Pendaftar Islam akan dilantik oleh Gabenor Negeri- negeri Selat. Biasanya jawatan ini merangkap jawatan kadi. Turut diperuntukan adalah tatacara yang perlu diikuti oleh para pendaftar yang telah dilantik serta pihak yang terbabit dalam sesuatu perkahwinan atau perceraian. Pada peringkat awal itu, undang-undang hanya memperuntukkan pendaftaran secara sukarela untuk sesuatu perkahwinan dan perceraian. Apa-apa permohonan untuk pendaftaran hendaklah dibuat kepada pendaftar Islam. Pendaftar mempunyai tanggungjawab untuk berpuas hati bahawa sesuatu perkahwinan atau perceraian yang berlaku, telah dibuat secara betul mengikut undang-undang untuk orang Islam.

Ordinan tersebut memperuntukkan bahawa suatu entri dalam “Buku Daftar” hendaklah ditandatangani mengikut tatacara seperti berikut:

1. Dalam hal perkahwinan: Oleh pihak yang terlibat atau wali atau wakil wali yang sah kepada perempuan dan dua orang saksi yang hadir pada masa perkahwinan. Sekiranya salah seorang atau kedua-dua pihak yang berkahwin itu belum dewasa maka wali mereka sendiri perlu menandatangani.
2. Dalam hal perceraian (kecuali perceraian secara khuluk): Ditandatangani oleh lelaki yang menceraikan dan dua orang saksi.
3. Dalam hal perceraian secara khuluk: Ditandatangani oleh pihak-pihak yang bercerai secara khuluk itu serta dua orang saksi.

Ordinan tersebut memperuntukkan, pendaftaran perkahwinan dan perceraian boleh dilaksanakan dalam tempoh satu bulan selepas berlakunya perkahwinan atau perceraian itu. Sebarang pelanggaran terhadap peruntukan itu tidak akan membawa kepada sebarang penalti atau hukuman. Ordinan juga memperuntukkan bahawa status pendaftaran sesuatu perkahwinan tidak akan mempengaruhi sama ada sah atau tidak sesuatu perkahwinan yang dijalankan.

Sebagaimana yang dinyatakan tersebut, pihak yang berkuasa dalam hal pentadbiran dan pendaftaran tersebut ialah pendaftar Islam atau kadi yang dilantik oleh gabenor Inggeris. Gabenor Negeri-negeri Selat berhak untuk melantik kadi yang dipilih oleh rakyat bagi sesebuah daerah. Dengan lain perkataan, mengikut Ordinan 1808, gabenor hanya akan melantik kadi setelah meyakini bahawa seseorang itu telah dipilih oleh sebilangan penduduk besar Islam di kawasan tersebut. Namun, gabenor juga mempunyai bidang kuasa untuk membatalkan perlantikan yang dibuatnya. Tetapi pada peringkat awal itu, keputusan kadi boleh dirayu lagi kepada pihak Inggeris. Untuk sebarang rayuan terhadap sebarang keputusan kadi hendaklah dibawa kepada pendaftar di peringkat negeri yang terdiri daripada pegawai Inggeris.

Bidang kuasa yang diberikan kepada kadi amat terhad. Kadi hanya diberi bidang kuasa untuk menyelesaikan perkara yang berhubung dengan perkahwinan dan perceraian orang Islam sahaja. Kadi tidak diberi bidang kuasa untuk menjatuhkan apa-apa hukuman atau pengadilan tentang perkara yang melibatkan harta benda kecuali pihak yang

bertelingkah itu bersetuju dengan keputusan yang dibuat. Di bawah ordinan tersebut, gabenor boleh menyemak keputusan yang telah dibuat oleh kadi. Seterusnya, gabenor mempunyai bidang kuasa untuk meminda, membatalkan, atau mengubah keputusan itu sekiranya ada bantahan. Dengan itu juga bermakna status dan bidang kuasa kadi mula disempitkan.

Peruntukan dalam Bahagian 2 Ordinan 1808 tersebut menyatakan bahawa Gabenor Negeri-negeri Selat boleh mengiktiraf seseorang itu sebagai kadi untuk mana-mana daerah, tempat atau bangsa dan memberikannya watak pengiktirafan. Namun begitu, tugas kadi hanya untuk menentukan status sesuatu perkahwinan iaitu sama ada berlaku perkahwinan ataupun perceraian. Jelasnya, kadi tidak ada kuasa untuk mendenda atau membuat penghakiman dalam masalah harta kecuali sekiranya pihak yang terlibat itu bersetuju untuk menerima penghakiman kadi. Bahagian 3 pula merupakan peruntukan tentang kesan sesuatu perkahwinan terhadap harta. Ordinan tersebut antara lain memperuntukkan bahawa seorang perempuan bersuami akan terus memiliki semua hartanya meskipun telah berkahwin. Harta itu termasuklah harta asal (bawaan) atau hasil pendapatan yang baru daripada mana-mana pekerjaan ataupun harta pusaka. Selain itu, isteri berhak untuk menyaman serta mempunyai remedi yang sama terhadap mana-mana orang bagi melindungi hartanya. Isteri juga bertanggungjawab terhadap apa-apa kontrak yang disertainya dan boleh melupuskan mana-mana hartanya tanpa keizinan daripada pihak suami.

Walau bagaimanapun, ordinan yang sama memperuntukkan bahawa apa-apa pembahagian harta pusaka antara suami isteri adalah tertakluk kepada undang-undang Inggeris kecuali jika pihak terbabit bersetuju diselesaikan mengikut hukum Islam. Peraturan penyelesaian pembahagian harta pusaka mengikut undang-undang Inggeris itu terus terpakai sehinggalah dimansuhkan pada tahun 1923 melalui seksyen 27 Muhammedan Ordinance (Amendment) 1923.

Oleh sebab undang-undang tersebut merupakan perintis, maka beberapa kelemahan nyata telah dapat dikesan dalam peruntukan-peruntukannya seperti berikut:

4. Undang-undang ini tidak mencadangkan atau menggariskan teks-teks rujukan untuk undang-undang Islam.
5. Undang-undang ini juga telah mengurangkan kuasa kadi di mana pada umumnya kadi telah hilang kuasa penghakimannya.
6. Banyak istilah fikah yang digunakan dalamnya, tidak dijelaskan pengertiannya seperti khuluk dan lain-lain lagi.
7. Banyak unsur undang-undang Inggeris dalamnya iaitu tentang bab pewarisan harta.

Beberapa pindaan terhadap ordinan tersebut telah dibuat bagi memperkemaskan lagi pentadbirannya. Pindaan pertama telah dibuat pada tahun 1894 dengan lulusnya Muhammedan Marriage Ordinance (Amendment) No. 13 of 1894. Pindaan seterusnya dibuat pada tahun 1902 menerusi Muhammedan Marriage Ordinance (Amendment) No. 34 of 1902. Ordinan tersebut memberi kuasa kepada gabenor melantik pendaftar perkahwinan untuk orang Islam dari semasa ke semasa bagi tiap-tiap Negeri Selat. Jika tidak ada pendaftar yang dilantik bagi satu-satu

kawasan, maka pendaftar yang bertugas di bawah Birth and Death Registration Ordinance 1897, diberi bidang kuasa menjalankan tugas-tugas pendaftaran itu.

Walau bagaimanapun, kesemua undang-undang itu kemudiannya dimansuhkan dengan lulusnya *The Muhammedan Marriage Ordinance No. 25 of 1908*. Ordinan yang baru ini telah mewajibkan pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang Islam mulai tahun 1909. Pendaftaran hendaklah dibuat dalam masa sepuluh hari dari tarikh berlakunya suatu perkahwinan atau perceraian. Sebarang kegagalan untuk berbuat demikian boleh dihukum denda tidak melebihi dua puluh lima ringgit. Sebelum ini proses pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang Islam tidak diwajibkan sebaliknya berbentuk sukarela. Namun, bidang kuasa untuk menjatuhkan sebarang hukuman atas kegagalan membuat pendaftaran bukan terletak pada kadi sebaliknya merupakan bidang kuasa Mahkamah Polis.

Berhubung perlantikan, peruntukan ordinan tersebut memberi kuasa kepada gabenor melantik pendaftar di setiap Negeri Selat. Gabenor boleh melantik lelaki Islam yang berkelakuan baik, berkedudukan dan layak, untuk menjawat jawatan kadi sekali gus sebagai penolong pendaftar perkahwinan. Bilangan kadi tidak terhad lagi kepada seorang bagi setiap daerah. Sebaliknya gabenor boleh melantik lebih daripada seorang bagi satu-satu daerah. Berbeza dengan zaman sebelumnya, kini gabenor mempunyai hak mutlak melantik kadi dan tidak lagi terikat dengan persetujuan rakyat.

Gabenor juga mempunyai bidang kuasa melantik mufti. Mufti akan diminta membantu pendaftar dalam hal-ehwal agama Islam. Jika diminta dan dikehendaki, mufti juga boleh bersidang dengan pendaftar untuk mendengar apa-apa kes rayuan yang diperuntukkan di bawah ordinan tersebut. Walau bagaimanapun, semua keputusan yang dibuat masih boleh disemak semula oleh gabenor.

Selain itu, adalah menjadi kesalahan kepada mana-mana individu selain pendaftar atau kadi yang didapati menyimpan Buku Daftar perkahwinan dan perceraian. Kesalahan tersebut boleh membawa hukuman denda tidak melebihi satu ratus ringgit bagi kesalahan kali pertama dan lima ratus ringgit bagi kesalahan kali yang kedua.

Dalam pada itu, Ordinan 1908 itu telah memberi sedikit ruang kuasa kehakiman kepada kadi dalam hal-ehwal kekeluargaan Islam. Seorang kadi boleh menimbangkan sebarang permohonan yang dibuat oleh seorang perempuan beragama Islam yang bermastautin selama lebih kurang empat bulan di daerahnya, untuk mendapatkan proses perceraian melalui fasakh atau taklik dan kadi boleh membenarkan dekri tersebut. Selain itu, kadi juga diberi kuasa untuk memutuskan sesuatu tuntutan mas kahwin (mahar) yang berjumlah sehingga lima puluh ringgit dan tuntutan nafkah sehingga berjumlah sepuluh ringgit sebulan. Sebarang rayuan keputusan hendaklah dibuat kepada pendaftar. Sekiranya relevan, keputusan boleh disemak semula oleh gabenor.

Pindaan seterusnya dibuat dalam tahun 1909, 1917 dan 1920. Pindaan pada tahun 1909 telah memberi bidang kuasa kepada gabenor untuk melantik dua orang kadi atau lebih bagi satu-satu daerah. *The Muhammedan*

Marriage Ordinance (Amendment) 1917 pula antara lain telah memperuntukkan bidang kuasa kadi untuk menyiasat. Kadi juga mempunyai bidang kuasa mendengar tuntutan mas kahwin yang nilai perkaranya tidak melebihi \$101.00, permohonan nafkah tertunggak yang nilai tuntutannya tidak melebihi \$50.00 dan permohonan nafkah untuk masa hadapan yang nilainya tidak melebihi \$10.00 sebulan. Manakala rayuan kepada pendaftar boleh dibuat terhadap apa-apa perintah atau dekri yang dikeluarkan oleh kadi dalam perkara fasakh, taklik, pembayaran mas kahwin serta pembayaran nafkah.

Dalam tahun 1920 undang-undang tersebut dinamakan *The Muhammedan Marriage Ordinance (Ammendment) No.26/1920*. Namun ia juga tidak kekal lama dan telah mengalami pindaan lagi dalam tahun 1923. Ia digubal bagi meng-ukuhkan lagi keadaan pentadbiran hal-ehwal orang Islam dengan memperkenalkan beberapa peruntukan baru. Antara kesannya, kadi dengan sendirinya (atas jawatan-nya) menjadi penolong pendaftar bagi hal-ehwal perkahwinan orang Islam. Selain itu, peruntukan berhubung bidang kuasa gabenor untuk melantik mufti masih dikekalkan.

Seksyen 35 (b) Ordinan 1923 ini memperuntukkan remedi yang lebih meluas daripada apa yang diperuntukkan dalam seksyen 27 (xii) Ordinan 1880, bagi seorang isteri beragama Islam. Ordinan ini telah memberikan remedi yang sama kepada pihak isteri sama ada dalam perkara sivil ataupun jenayah. Ia sebagai satu perlindungan kepada isteri daripada sesiapa sahaja dalam menjaga hartanya, sama keadaannya seperti dia tidak bersuami.

Sementara itu, seksyen 27 pindaan tersebut merupakan suatu peruntukan agar harta pusaka seorang Islam yang mati tanpa wasiat boleh ditadbirkan menurut undang-undang Islam kecuali jika undang-undang berkenaan tidak selaras atau bercanggah dengan adat tempatan yang mempunyai kuat kuasa undang-undang. Dalam seksyen 28 berikutnya pula menyatakan bahawa undang-undang Islam yang perlu dipakai di Mahkamah Syariah ialah undang-undang menurut mazhab si mati. Pindaan pada 1923 ini juga telah memperuntukkan beberapa buku rujukan dalam kes-kes pewarisan.

Selepas itu, ordinan tersebut mengalami beberapa pindaan kecil lagi pada tahun 1924, 1926 dan 1934. Akhirnya kesemua ordinan terdahulu dan pindaannya dimasukkan dalam Bab 57 dalam *Revised Law Of Straits Settlement* tahun 1936. Bab 57 itu juga disebut sebagai *Muhammedan Ordinance*. Ia memperuntukkan tentang kewajipan mendaftarkan sesuatu perkahwinan, perceraian dan rujuk. Kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih \$25. Kadi-kadi yang dilantik sekali gus memegang jawatan penolong pendaftar nikah, cerai dan rujuk.

Menurut ordinan tersebut, kadi hendaklah berpuas hati tentang sahnya sesuatu perkahwinan orang Islam sebelum didaftarkan. Di samping itu, kadi yang tidak mahu mendaftarkan sesuatu perkahwinan atau perceraian hendaklah memberikan alasan tindakannya. Ordinan yang baru itu kelihatan lebih tersusun, namun bidang kuasa kadi masih sempit dan hanya dalam lingkungan hal-ehwal kekeluargaan seperti soal perkahwinan, perceraian, fasakh, khuluk,

taklik, mas kahwin dan nafkah. Keputusan kadi itu masih boleh dirayu kepada pendaftar di Negeri-negeri Selat. Untuk menasihati pendaftar dalam hal-ehwal undang-undang Islam, gabenor boleh melantik seorang mufti bagi setiap Negeri Selat.

Dalam satu kes di Pulau Pinang, Rokiah lwn Abu Bakar, plaintif yang memohon untuk membubarkan perkahwinan atas sebab defendan (suami) mengabaikannya telah ditolak oleh kadi. Plaintif telah merayu kepada pendaftar yang kemudiannya mengarahkan seorang kadi lain untuk mendengar kes itu. Kadi telah mengesyorkan kepada kedua-dua pihak agar perceraian dibuat secara khuluk. Plaintif telah memulangkan mas kahwin kepada defendan, dan defendan telah diperintahkan oleh kadi supaya mengambilnya, dan kadi mendaftarkan perceraian tersebut.

Defendan yang tidak berpuas hati dengan perintah kadi tersebut telah merayu kepada pendaftar. Pihak pendaftar telah mendengar rayuan tersebut, dan turut dihadiri oleh dua orang mufti sebagai penasihat. Pendaftar akhirnya memutuskan bahawa perceraian melalui khuluk tidak boleh dibuat tanpa persetujuan suami. Oleh yang demikian perkahwinan itu masih kekal dan tidak terubur.

Ordinan 1936 ini telah kekal dipakai di Pulau Pinang dan Melaka sehinggalah ia dimansuhkan oleh enakmen negeri masing-masing tentang pentadbiran Undang-undang Islam 1959. Dalam jangka masa itu jugalah, satu pindaan telah dibuat iaitu pindaan No.32, 1952 yang telah menukarkan istilah “pengikut Muhammad” (*Muhammedan*) kepada “orang Islam” (*Muslim*) serta ungkapan “Undang-undang Muhammad” (*Muhammedan Law*) kepada “Undang-undang Islam” (*Islamic Law*).

Di samping beberapa undang-undang tadi, ada beberapa undang-undang lain yang diluluskan secara umum namun pada hakikatnya turut mengikat orang Islam untuk menggunakannya, seperti berikut:

1. Ordinan Penjagaan Bayi 1934

Undang-undang terawal yang dipakai oleh Negeri-negeri Selat dalam masalah penjagaan anak adalah Ordinan Penjagaan Bayi 1934. Ordinan ini terpakai kepada semua penduduk termasuklah orang Islam. Kesannya amat besar kepada orang Islam di mana keputusan hakim dalam beberapa kes yang dibicarakan adalah memihak kepada undang-undang ini. Dalam kes *Re Omar bin Shaik Salleh lwn Mariambee* misalnya, hakim dalam penghakimannya memutuskan:

Telah diputuskan bahawa Ordinan Penjagaan Bayi telah menggantikan sebarang undang-undang yang sebelumnya dipakai (termasuk undang-undang Islam).

Ordinan ini bersifat umum dalam beberapa peruntukannya. Seksyen 5 dan seksyen 11 umpamanya memberi ruang serta kuasa budi bicara kepada hakim untuk membuat sebarang perintah yang difikirkan patut terutamanya mem- pertimbangkan kebajikan anak atau bayi yang menjadi pertikaian. Dalam kes *Re Omar bin Shaik Salleh lwn Mariambee* juga, hakim memberi ulasan bahawa:

Ordinan itu bersifat umum dan mengatasi undang-undang Islam.

Jelas daripada kes ini bahawa Inggeris cuba memaksa orang Islam memakai undang-undang mereka sekali gus menyetepikan undang-undang Islam meskipun pihak yang bertikai adalah beragama Islam.

2. Ordinan Pengambilan Anak Angkat 1939

Ordinan ini juga terpakai kepada orang Islam di Negeri-negeri Selat. Menurut ordinan ini anak angkat diiktiraf dan hendaklah mendapat taraf yang sama sebagaimana anak sebenar. Dengan kata lain, hak dan taraf mereka yang diberikan dalam ordinan adalah sama termasuk menerima harta. Hal ini jelas bertentangan dengan syarak apabila merujuk firman Allah S.W.T yang maksudnya:

Dan tidak menjadikan anak-anak angkat kamu, sebagai anak kamu sendiri. (Segala yang kamu dakwakan tentang perkara-perkara) yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Dan (ingatlah) Allah menerangkan yang benar dan Dia jua yang memimpin ke jalan yang betul. (Surah al-Ahzaab 33:4)

Selain daripada undang-undang yang telah disebutkan itu, ada lagi undang-undang lain yang diperkenalkan oleh Inggeris melibatkan hal-ehwal kekeluargaan orang Islam. Undang-undang tersebut adalah Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil No. 13, 1906 yang mengandungi peruntukan tentang peraturan memberi nafkah isteri serta anak-anak. Undang-undang itu terus dipakai sehinggalah dimansuhkan oleh Ordinan Wanita Bersuami dan Kanak-kanak (Nafkah) No. 26, 1949.

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN HAL-EHWAL ORANG ISLAM MENJELANG KEMERDEKAAN

The Mohammedan Marriage Ordinance (Pindaan) 1923 bersama dengan peruntukan tambahan dalam pindaan terakhirnya pada tahun 1934, kemudiannya dimasukkan ke dalam *Chapter 57 Revised Laws of The Straits Settlement 1936*. Dalam semakan yang dibuat pada tahun 1936 itu, pendaftaran perkahwinan dan perceraian adalah diwajibkan, dan kegagalan berbuat demikian dikira satu kesalahan yang seterusnya boleh didenda. Menurut peruntukan yang baru juga kadi dalam masa yang sama merupakan penolong pendaftar bagi perkahwinan serta perceraian. Rayuan berhubung dengan keputusan kadi tentang pendaftaran perkahwinan ataupun perceraian boleh diajukan kepada pendaftar di negeri terbabit.

Selain daripada itu, gabenor boleh melantik mufti bagi setiap Negeri Selat bagi menasihati pendaftar bagi semua perkara berhubung undang-undang Islam. Undang-undang tersebut terus diterima pakai melalui beberapa pindaan

kecil sehingga tahun 1959 apabila Pulau Pinang dan Melaka menggubal enakmen pentadbiran hukum syarak masing-masing melalui Administration of Muslim Law Enactment No. 3/1959 bagi Pulau Pinang dan *Administration of Muslim Law Enactment No. 1/1959* bagi negeri Melaka.

Dalam jangka masa itu jugalah, satu pindaan telah dibuat iaitu pindaan No. 32/1952 yang telah menukarkan perkataan “pengikut Muhammad” (*Muhammedan*) kepada “orang Islam” (*Muslim*) serta ungkapan “Undang-undang Muhammad” (Mohammedan Law) kepada “Undang-undang Islam” (*Islamic Law*).

KADI NEGERI MELAKA DI ZAMAN INGGERIS



Tuan Guru Haji Khalil bin Husin bin Wahid merupakan ulama besar yang masyhur di Negeri Melaka. Beliau dilahirkan di Kampung Hulu, Bandar Melaka pada tahun 1885. Ketika berusia sekitar 4 tahun, beliau telah berangkat ke Mekah. Di sana, beliau telah didedahkan dengan pengajian halaqah di Masjidil Haram. Pada masa itu, ramai tokoh ulama yang berasal dari Alam Melayu membuka halaqah pengajian di situ.

Antaranya ialah seperti Syeikh Abdullah Fahim, Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, Syeikh Abdullah bin Qasim as-Sanquri (ulama yang berasal dari dunia Melayu yang menjadi ketua qiraat tujuh di Hijaz pada zaman itu), Syeikh Muhammad Nur al-Fathani (tokoh falak) dan Syeikh Muhammad Mukhtar bin Atharid Bogor. Salah seorang guru utama Tuan Guru Haji Khalil ialah Syeikh Umar bin Abdur Rasyid as-Sumbawi. Diriwayatkan beliau telah menadiah kitab kepada ulama besar Alam Melayu ini selama 12 tahun. Beliau tinggal di Mekah lebih kurang 22 tahun.

Oleh kerana kepakarannya dalam bidang agama, maka kerajaan British di Melaka yang pada ketika itu yang diperintah oleh Gabenor telah melantik Tuan Guru Haji Khalil menjadi Kadi pada 19 Februari 1918. Usianya pada ketika itu ialah 33 tahun.

Walau bagaimanapun, beliau melepaskan jawatan kadi setahun kemudian, iaitu pada 14 November 1919. Empat tahun selepas itu, beliau dilantik menjadi Imam Masjid Kampung Hulu. Tiga tahun kemudian, iaitu pada tahun 1926, Tuan Guru Haji Khalil dilantik menjadi Mufti Negeri Melaka.

Setelah Majlis Agama Islam Melaka ditubuhkan, Tuan Guru Haji Khalil terus dilantik menjadi mufti negeri Melaka secara rasmi iaitu pada bulan April 1960. Pada ketika itu usianya sudah mencecah 75 tahun. Dua bulan selepas itu, Tuan Guru Haji Khalil berpulang ke rahmatullah.